

PM: Proses pembangunan negara
tidak boleh diperlahankan

Cara Melayu boleh maju'

P

BA 14 MAY 1964

PULAU PINANG, Ahad
— Proses pembangunan negara yang **berjalan** pesat sekarang tidak boleh diperlahankan. Sebaliknya orang Melayu yang ketinggalan mesti mengejanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata, tidak ada kuasa yang boleh menahannya dan jika kerajaan berbuat demikian, langkah itu bukan sahaja merugikan negara malah taraf hidup orang Melayu juga akan turut terjejas. Sebaliknya orang Melayu sendiri hendaklah bersedia menerima hakikat pembangunan dan mengamalkan nilai-

nilai moden yang boleh memajukan mereka, katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Pulau Pinang di sebuah hotel di Teluk Bahang di sini. Beliau menegaskan inilah sebabnya kerajaan berusaha menerapkan nilai-nilai Islam dan nilai-nilai bekerja kuat, tekun dan sanggup bekerja sebagai satu pasukan di bawah Dasar Pandang ke Timur dan menerusi pelbagai usaha lain, termasuk kempen kepemimpinan melalui teladan.

Nilai baik

Perdana Menteri yakin orang Melayu boleh menjadi bangsa yang dapat mengongcang dunia jika mereka sanggup menerap nilai-nilai yang baik dan rajin bekerja sebagaimana orang Jepun dan Korea.

"Mereka juga hendaklah amanah dan selalu bertindak sebagai satu pasukan dan tidak mementingkan diri sendiri," tegasnya.

Beliau menegaskan kerajaan telah menekankan penerapan pelbagai nilai yang baik, khususnya nilai-nilai Islam dan nilai-nilai yang akan menentukan "maju mundurnya" sesuatu bangsa. "Sebenarnya, kalau kita kajibertindak sebagai kemajuan atau kegagalan mana-mana kaum, kita akan mendapati bahawa ia adalah hasil nilai yang diterap oleh masyarakat kaum itu. "Kalau masyarakat itu menerima nilai-nilai yang baik maka gagallah masyarakat itu," tambahnya.

"Orang Jepun dan Korea maju kerana mereka mempunyai nilai-nilai hidup yang mengizinkan nilai-nilai baik diterap, tegas beliau lagi. Menurut beliau, mereka bukanlah pandai sangat tetapi rajin bekerja serta sanggup bersusah payah dan nilai itulah yang dimaksudkan oleh kerajaan.

"Nilai itulah yang kita tiru dan bukan minum arak atau

Kejayaan

Beliau menjelaskan orang Melayu tidak perlu mengekalkan unsur-unsur kebuda-

yaan yang menonjolkan "zaman kekolotan Melayu" dahulu.

Perdana Menteri berkata kebudayaan Melayu yang perlu dikekalkan ialah yang sesuai dalam zaman sekarang.

Bercakap khusus mengenai orang Melayu di Pulau Pinang, beliau yakin jika mereka sanggup bertindak secara positif di tengah-tengah arus pembangunan yang pesat ini mereka boleh menempa kejayaan yang memuaskan.

Katanya, tidak seorangpun rakyat di negara ini yang tidak merasai nikmat kemerdekaan, walaupun sedikit.

"Kita mahukan kehidupan kita bertukar menjadi lebih sesuai dengan perkembangan ekonomi di seluruh negara."